

# ► Peringatan tegas Naib Canselor kepada pelajar UMS

UB J51 · 12-13

Oleh ISAB KHAN MUKARAB SHAH  
utusanborneok@gmail.com

**KOTAKINABALU:** Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) diminta fokus kepada bidang pelajaran dan mengelakkan daripada terlibat dengan Himpunan Guling Kerajaan yang dirancang pihak tertentu sempena sambutan tahun baru malam ini.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, ketika diminta mengulas mengenai rancangan perhimpunan oleh pihak tertentu menegaskan setiap pelajar jangan sesekali terlibat dengan sebarang aktiviti yang boleh merugikan diri sendiri, masyarakat dan keluarga.

"Daripada melibatkan diri dengan aktiviti sedemikian, adalah lebih baik pelajar menuinpukan perhatian kepada pelajaran memandangkan sekarang ialah minggu peperiksaan," katanya ketika ditemui media di sini kelmarin.

Ditanya mengenai sebarang notis untuk mengingatkan para pelajar agar tidak terlibat untuk aktiviti berkenaan, Harun berkata pihak UMS tidak mengeluarkan sebarang notis kerana pihaknya tidak menerima sebarang aduan berkaitan aktiviti itu.

"Saya tidak terima apa-apa aduan dan saya beranggapan selama ini semua pelajar UMS sudah matang dan dapat memikirkan baik buruknya sesuatu keadaan. Lagipun selama ini saya tidak nampak sebarang aktiviti yang dilakukan oleh pelajar mampu merosakkan nama UMS, bagi saya pelajar UMS semuanya baik-baik sahaja," katanya.

Harun menegaskan bahawa pelajar yang terlibat dalam

“ Pelajar yang terlibat dalam sebarang perhimpunan haram akan berdepan dengan tindakan undang-undang pihak universiti. Sekiranya terdapat pelajar yang menyertai aktiviti berkenaan kita tetap akan lihat secara terperinci dan tindakan akan dibuat. ”

**PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH**  
*Naib Canselor UMS*

sebarang perhimpunan haram akan berdepan dengan tindakan undang-undang pihak universiti.

"Sekiranya terdapat pelajar yang menyertai aktiviti berkenaan kita tetap akan lihat secara terperinci dan tindakan akan dibuat mengikut lunas undang-undang," katanya.

Mengulas mengenai isu lain, beliau menasihatkan setiap pelajar agar tidak mempercayai sebarang khabar angin yang tersebar menerusi media sosial berhubung sebarang isu termasuk kes keracunan makanan di kantin UMS cawangan lain.

Khabar angin yang tersebar di laman sosial Facebook itu mengatakan bahawa kantin Mini Campus UMS di Labuan tidak bersih dan dikatakan ada pelajar menjumpai cicak dan lipas dalam makanan.

Laporan itu juga menyebut bahawa aduan telah dibuat oleh ibu bapa tapi tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak universiti sehingga terdapat pelajar yang dimasukkan ke hospital akibat keracunan makanan.

Harun berkata sekiranya terdapat sebarang masalah

sedemikian pasti Pengarah Kampush Labuan akan melaporkan kepadanya.

"Saya tidak menerima sebarang aduan dan pastinya kita mengambil berat tentang keselamatan, makanan serta hal melibatkan hal ehwal pelajar.

"Sekiranya terdapat apa-apa, tindakan akan diambil terus dan seperti yang saya tegaskan, pihak pengurusan UMS sangat serius tentang keselamatan dan kebijakan pelajar.

"Oleh itu, kita tidak mahu ada pihak yang mengambil kesempatan dengan menyebarkan pelbagai khabar angin dalam media sosial," katanya.

Katanya, setiap pelajar khususnya diminta tidak mempercayai sesuatu perkara yang disiarkan dalam laman sosial tanpa mengetahui kesahihannya.

"Sebagai pelajar seharusnya bijak menilai dan jangan menjadikan laman sosial seperti Facebook sebagai sumber kerana ini boleh mempengaruhi pemikiran dan ancaman kepada soal keselamatan negara," katanya.

